

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

**Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 1997/98**

Februari 1998

BST 204/3 & BST 322/3 Ekosistem Tropika

Masa : [3 jam]

Jawab mana-mana **LIMA** soalan. Jika calon menjawab lebih daripada lima soalan hanya lima soalan pertama mengikut susunan dalam skrip jawapan akan diberi markah.

(BST 204/3 & BST 322/3)

1. Berikan suatu huraian mengenai penzonan altitud untuk vegetasi di Malaysia.

(20 markah)

2. a) Takrifkan 'mikroiklim' dan huraikan kepentingan mikroiklim terhadap biota sesuatu ekosistem.

(5 markah)

- b) Dengan menggunakan angka-angka anggaran dan gambarajah-gambarajah, bincangkan mikroiklim yang terdapat di kawasan terdedah dan di bawah kanopi pokok pada suatu hari lazim (24 jam) di kawasan tropika.

(15 markah)

3. Dengan menggunakan contoh-contoh, bincangkan faktor abiotik yang mempengaruhi komponen-komponen biotik di dalam suatu ekosistem akuatik tropika.

(20 markah)

4. Tuliskan nota-nota mengenai:

- a) Famili Dipterocarpaceae
- b) Indeks Mohr
- c) Vegetasi Pantai

(20 markah)

(BST 204/3 & BST 322/3)

5. Beri catatan mengenai:
- a) "Kitaran-kitaran bermusim pada tumbuhan dan haiwan di Hutan Hujan Tropika disebabkan oleh hujan".
(10 markah)
 - b) Kaedah-kaedah untuk menyelidiki produktiviti primer daratan.
(10 markah)
6. Tuliskan suatu esei mengenai "Kesan tindakan semasa manusia ke atas Hutan Hujan Tropika".
(20 markah)

-ooo0ooo-